



6.00

SEN SEUNIT

Dr Zeti dan Abdul Rahman pada sidang media pengumuman Laporan Tahunan dan Prestasi Tahun 2018 PNB di Kuala Lumpur, semalam.

Agihan pendapatan terbesar sejak penubuhan

➔ PNB bayar RM15b bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018

Oleh Nurhayati Abillah dan Nora Mahpar
bhbiz@bh.com.my

Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan agihan pendapatan sebanyak RM15 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, bayaran dividen terbesar yang pernah diagihkan sejak

penubuhan pengurus dana terbesar negara itu.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata pendapatan bersih profarma kumpulan dan unit amanah digabungkan kekal stabil pada RM17 bilion, susut sedikit berbanding RM17.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, katanya, jumlah Aset di bawah Pengurusan (AUM) masih berkembang dengan meningkat 6.9 peratus kepada RM298.5 bilion berbanding RM279.2 bilion pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata, ia didorong oleh pertumbuhan kukuh sebanyak 7.9 peratus bagi Unit Dalam Edaran (UIC), kepada 236.6 bilion pada 2018 berbanding 219.3 bilion pada 2017 daripada 13.8 juta akaun yang dilaburkan dalam 14 dana unit amanah.

“Persekitaran ekonomi yang mencabar sepanjang 2018

dengan kadar pertumbuhan yang sederhana, selain pasaran kewangan yang tidak menentu di peringkat global dan domestik mempengaruhi prestasi syarikat korporat tempatan termasuk PNB,” katanya pada sidang media pengumuman Laporan Tahunan dan Prestasi Tahun 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Beri pulangan mampan

Mengulas lanjut, Dr Zeti berkata, persekitaran ekonomi dijangka kekal tidak menentu pada tahun 2019.

“Sebagai penjaga kepada kekayaan milik rakyat Malaysia, kami akan melakukan yang terbaik dalam menempuh waktu yang tidak menentu ini bagi memberi pulangan yang mampan kepada pemegang unit amanah saham kami.

“Di samping memberi tumpuan dalam mewujudkan nilai kepada pemegang unit kami,

pelabur juga perlu lebih memahami risiko pasaran kewangan.

“Agihan pendapatan kami bergantung kepada prestasi pelaburan kami, yang turut dipengaruhi iklim pelaburan di mana kami beroperasi, namun kami akan berusaha untuk mengatasi pasaran melalui proses pelaburan yang mantap serta kriteria pelaburan yang ketat,” katanya.

Pada majlis sama, PNB turut mengumumkan agihan pendapatan bagi dua dana harga tetapnya, Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) sebanyak 6.00 sen seunit dan Amanah Saham Malaysia (ASM) sebanyak 5.50 sen seunit.

Sementara itu, bagi tiga dana harga berubah Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1, masing-masing sebanyak 4.10 sen seunit, 4.20 sen seunit dan 5.00 sen seunit.